



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

29/2026

SIARAN MEDIA

KUSKOP & TNB TEROKA KERJASAMA SOKONG PMKS MELALUI KECEKAPAN KOS DAN PERALIHAN TENAGA

KUALA LUMPUR, 10 April – Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), YB Steven Sim Chee Keong hari ini mengadakan pertemuan dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB), yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Ir. Ts. Shamsul Ahmad, bagi membincangkan langkah sokongan kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dalam menghadapi tekanan kos yang semakin meningkat.

Dalam pertemuan tersebut, perbincangan memberi tumpuan kepada langkah praktikal bagi membantu PMKS mengurus kos operasi dengan lebih berkesan, menambah baik aliran tunai serta mempercepat peralihan kepada tenaga boleh baharu (RE).

Pertemuan ini berlaku susulan Krisis Tenaga Global yang turut menjejaskan Malaysia dan memberi tekanan besar kepada PMKS yang beroperasi dengan margin terhad, khususnya dari segi kos elektrik dan operasi harian. Justeru, langkah KUSKOP dan TNB ini bertujuan untuk membantu perniagaan mengurus kos melalui kecekapan tenaga, penggunaan skim seperti ToU serta peralihan kepada tenaga boleh baharu sekali gus memastikan kelangsungan operasi dalam menghadapi ketidakpastian tenaga global.

Dalam pertemuan itu, YB Steven Sim turut menggariskan beberapa bidang kerjasama strategik antara KUSKOP dan TNB. Pertama, KUSKOP melalui SME Corp. Malaysia mencadangkan agar penyelarasan insentif atau tarif yang lebih bersesuaian dipertimbangkan untuk PMKS.

Kedua, usaha akan dipergiat untuk memperluas penggunaan skim Time-of-Use (ToU) dalam kalangan PMKS melalui kempen bersama bagi membantu perniagaan mengoptimumkan penggunaan elektrik dan seterusnya mengurangkan kos operasi.

Ketiga, kedua-dua pihak akan memperkukuh kerjasama dalam aspek pendigitalan dan peralihan tenaga termasuk memperluas akses PMKS kepada pemasangan solar melalui model pembiayaan yang lebih fleksibel seperti zero capex, selaras dengan agenda ESG dan usaha mempercepat penggunaan tenaga boleh baharu.

Dari segi pembangunan kapasiti, KUSKOP dan TNB akan bekerjasama melalui INSKEN untuk memperluas program latihan dan pembangunan keupayaan usahawan meliputi aspek pengurusan kewangan serta pengembangan dan penskalaan perniagaan.

Dalam jangka panjang, YB Steven Sim menegaskan kepentingan membuka lebih banyak ruang kepada PMKS untuk menyertai ekosistem peralihan tenaga di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) termasuk penglibatan dalam sektor baharu seperti solar, kenderaan elektrik (EV), pusat data serta teknologi tenaga melalui platform seperti Energy Transition Conference.

YB Steven Sim berkata KUSKOP akan bekerjasama rapat dengan TNB untuk meneroka insentif bersasar serta memperluas kesedaran bagi memastikan lebih ramai PMKS dapat memanfaatkan inisiatif ini.

“Dengan menggabungkan usaha pengurusan kos dan peluang peralihan tenaga, kita mahu memastikan PMKS Malaysia kekal berdaya saing, berdaya tahan dan bersedia untuk berkembang ke pasaran baharu,” katanya.

Usaha ini selaras dengan agenda KUSKOP untuk Hebatkan Perniagaan Malaysia dengan strategi ABCD, iaitu Anjakan Produktiviti, Birokrasi Dipermudah, Capaian Modal, dan Daya Akses Pasaran.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
10 APRIL 2026

MENGENAI KUSKOP

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) merupakan kementerian yang bertanggungjawab mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik dan kondusif bagi menyokong pembangunan sosioekonomi negara yang inklusif, seimbang dan mampan. Fungsi utama KUSKOP adalah menetapkan hala tuju pembangunan keusahawanan negara dan membudayakan nilai serta minda keusahawanan dalam masyarakat Malaysia.

AGENSI - AGENSI DIBAWAH KUSKOP

BIL	AGENSI	FUNGSI
1.	Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)	Agensi pembangunan dan kawal selia sektor koperasi
2.	Institut Koperasi Malaysia	Institut latihan bagi pembangunan dan pendidikan koperasi
3.	SME Corp	Agensi pembangunan Perusahaan Mikro, Kecil Sederhana (PMKS)
4.	TEKUN Nasional	Agensi pembiayaan mikro dan perkhidmatan sokongan keusahawanan
5.	Institut Keusahawanan Negara (INSKEN)	Agensi pembangunan kapasiti keusahawanan
6.	Bank Rakyat	Institusi kewangan yang menyediakan skim pembiayaan keusahawanan dan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS)
7.	SME Bank	Institusi kewangan pembangunan bagi perusahaan kecil dan sederhana
8.	UDA Holdings Berhad	Agensi pembangunan hartanah dan pengurusan aset
9.	PERNAS	Agensi pembangunan industri francais
10.	Amanah Ikhtiar Malaysia	Agensi pembiayaan dan fasilitasi keusahawanan kepada golongan berpendapatan rendah